

UTUSAN MALAYSIA – JUMAAT 24 MAC 2017

OKU mampu beri sumbangan

SAUDARA PENGARANG.

ORANG RAMAI harus menerima dan menyokong orang kurang upaya (OKU). Walaupun mereka tidak seperti manusia normal, kekurangan itu bukan sebab untuk mana-mana pihak merendah-rendahkan kemampuan mereka.

Di sebalik kekurangan, terselit bakat terpendam yang menunggu masa untuk diasah dan dicungkil.

Buktinya adalah kisah pelajar cacat penglihatan, Muhammad Qayyim Nizar Sarimi yang dipaparkan dalam akhbar pada 16 Mac lalu.

yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016. Dia mendapat 2A, 5B dan 1D.

Hakikatnya, golongan OKU adalah anugerah terindah yang Tuhan ciptakan untuk masyarakat agar mereka dapat dibimbing dan dibantu untuk berdikari.

Mereka ini sebenarnya mampu memberi sumbangan bermakna kepada negara dalam apa sahaja bidang yang diceburi.

NORASIDAH HASSAN

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)